



25

Rujukan: UKM 3.1/224/8 Jld.IX  
Tarikh : 23 November 2009

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 20/2009**

Dekan/Pengarah/Ketua  
Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan/Bahagian/Unit  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**TARIKH AKHIR MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN PESANAN RASMI (BPPR) DAN INBOIS TAHUN 2009 BAGI TUJUAN PENUTUPAN AKAUN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Universiti perlu membuat penutupan akaun bagi tahun berakhir 31 Disember 2009. Bagi membolehkan penutupan akaun tersebut berjalan dengan lancar, semua Pusat Tanggungjawab diminta mengikut jadual berkaitan urusan perolehan dan bayaran bil-bil tahun 2009 seperti berikut:-

Bil	Perkara	Tarikh Akhir
1	Tarikh akhir terima Borang Permohonan Pesanan Rasmi (BPPR) oleh Jabatan Bendahari	<b>15 Disember 2009</b>
2	Tarikh akhir pembelian terus tanpa Pesanan Rasmi bagi perolehan kurang daripada RM 1,000 oleh Pusat Tanggungjawab (tertakluk kepada kedudukan peruntukan yang mencukupi)	<b>15 Disember 2009</b>
3	Tarikh akhir terima semua bil atau inbois oleh Jabatan Bendahari untuk pembayaran dengan menggunakan peruntukan tahun 2009	<b>24 Disember 2009</b>
4	Kerja-kerja penyelenggaraan data dan sistem (Sistem Kewangan Universiti) oleh Pusat Teknologi Maklumat	<b>25-31 Disember 2009</b>



Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2006  
Winner of Prime Minister's Quality Award 2006

2. Bagi Pusat Tanggungjawab yang tidak dapat menghabiskan atau melengkapkan pembelian peralatan di bawah peruntukan mengurus tahun 2009, peruntukan berkenaan dianggap luput dan tidak boleh di bawa ke tahun hadapan
3. Bagi bil atau inbois tahun 2009 yang tidak dikemukakan sebelum atau pada **24 Disember 2009** akan dibayar menggunakan peruntukan tahun 2010.

Sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat mengambil ingatan dan menyampaikan perkara ini kepada semua kakitangan di Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian/Unit Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Yang benar,



**MOHD ABD RASHID MOHD FADZIL**

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k: Naib Canselor, UKM

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM.

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM.

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM.

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM.

Pendaftar, UKM



**Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2006**  
*Winner of Prime Minister's Quality Award 2006*

Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Telefon: 03-89253000/ 5148 Faksimili: 03-8925 3058 Laman web: [www.ukm.my/](http://www.ukm.my/)  
Mel-e: [info@ukm.my](mailto:info@ukm.my)